

PERTUMBUHAN KONDOMINIUM
DI KUALA LUMPUR

PTAR

728.314
Z4H

ISI KANDUNGAN

I)	KATA-KATA PENGHANTAR	2
II)	KATA-KATA PENGHARGAAN	4

BAHAGIAN SATU

Pengenalan

1.1)	Pengenalan Kondominium	7
1.2)	Tujuan dan Kelebihan Cara Hidup di Kondominium	10

BAHAGIAN DUA

Pertumbuhan Kondominium di Kuala Lumpur

2.1)	Panduan Kondominium	14
2.2)	Kondominium yang telah ada dan didalam rancangan	16
2.21)	Shahzan Court	18
2.22)	Downtown Kondominium	23
2.23)	Pusat Menara Wangsa Ukay Abaca	28
2.24)	Desa Kudalari	32
2.25)	G.C.B Court	38
2.26)	Raintree Terraces	43
2.27)	Bangsar Indah	49
2.28)	Highland Towers	54
2.29)	Sri Wangsaria	60

BAHAGIAN TIGA

Konsep dan Proses Pertumbuhan

3.1)	Perjalanan Aktiviti didalam pertumbuhan kondominium	67
3.2)	Kajian perbandingan kos dan pemulangan keatas tiga projek yang kerap ..	6
3.3)	'Strata Title'	71
3.4)	Penghasilan Kondominium	72

(i) KATA-KATA PENGHANTAR

Tujuan penulisan disertasi ini ialah untuk meneroka atau ingin mengetahui dengan lebih mendalam lagi mengenai kondominum disamping juga sebagai perkara wajib bagi penulis untuk memenuhi syarat-syarat pembelajaran senibina di ITM.

Sebagai yang kita ketahui, kondominum adalah sistem perumahan yang masih samar-samar lagi pengertiannya dikalangan masyarakat mahupun pelajar-pelajar sekalian. Oleh kerana itu, penulis disini akan cuba sedaya upaya berusaha menerangkannya dalam penulisan setakat yang boleh.

Didalam disertasi ini terdapat beberapa projek-projek kondominum yang telah siap mahupun didalam pembinaan. Sayugia dimaklumkan bahawa skop disertasi penulis adalah mengenai kondominum di Kuala Lumpur sahaja dan tidak termasuk kondominum-kondominum di bandar-bandar lain.

Penulis juga ada menyelitkan beberapa gambar bagi memudahkan pemahaman serta beberapa pelan-pelan lantai kondominum. Pelan lokasi serta kedudukan-kedudukan projek berkenaan juga ada diselitkan.

(ii)

KATA-KATA PENGHARGAAN

Penulisan adalah perkara baru bagi penulis. Oleh yang demikian, penulis sebagaimana mereka yang baru didalam bidang yang mereka ceburi menghadapi berbagai-bagai masalah terutama didalam memperolehi data-data bahan rujukan dan masa yang terhad dengan latihan amali yang telah penulis alami. Alhamdulillah dengan penuh tekad hati, penulis telah dapat menyudahi penulisan disertasi ini bagi memenuhi syarat-syarat pembelajaran senibina penulis.

Disini penulis ingin berterimakasih kepada En. Abdul Ghani Mohd. Desa iaitu ketua kursus yang telah berbin-cang bersama-sama penulis mengenai permasalahan yang timbul. Disamping itu juga En. P. Kasi yang telah memberi pendapat-pendapat penulisan kepada penulis.

namun demikian penulis juga tidak ketinggalan mengucapkan terimakasih kepada En. Ismail Hashim iaitu penyelenggaraan kursus senibina 3, En. Lim Yee Khai iaitu seorang jurutera dari Syarikat Shah Alam Properties, pengawal-pengawal keselamatan dan sahabat-sahabat penulis yang mana tanpa mereka kemungkinan terdapat banyak lagi kecacatan dari yang ada sekarang.

Kuala Lumpur ialah sebuah bandar yang besar dan sedang pesat membangun dimasa kini. Oleh itu penduduk-penduduk bandar ini meningkat serta menjadi semakin padat dari satu hari ke suatu hari. Sebagai ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur makin bertumbuhnya angka aktiviti-aktiviti terutama sekali aktiviti perumahan. Tanah menjadi mahal, rumah juga menjadi mahal dan benda-benda harian pun menjadi mahal.

Didalam pertumbuhan purata kependudukan bandar Kuala Lumpur ialah 30-35%, dan ini menyebabkan penggunaan setiap inci tanah-tanah yang mahal patut dititik beratkan. Sebagai satu cara mengatasinya, pengusahaan perumahan telah menjumpai satu jalan iaitu dengan membina kondominium. Kondominium boleh dibina secara alternatif kepada jenis perumahan biasa dimana bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan tanah tanpa menukar hak keistimewaan penduduk-penduduknya seperti terdapat dari jenis perumahan biasa.

KONDOMINUM adalah corak perumahan yang baru bagi penduduk-penduduk Malaysia. Ia menyediakan satu cara kediaman yang bermutu serta menyegarkan sebagai alternatif kepada kediaman dirumah-rumah kotak kecil apabila diperbandingkan didalam sesuatu skim perumahan.